



PANDUAN PERMOHONAN CLOUD SEKTOR AWAM MENGGUNAKAN PERUNTUKAN GOVERNMENT HYBRID CLOUD (GHC)

PERINGATAN: Agensi adalah tertakluk kepada SPA 7/2024: SPA Bil. 7 2024: Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Sektor Awam dan Panduan Keseluruhan Kerajaan (*Whole-of-Government*) Sektor Awam

1 KENAL PASTI KEPERLUAN CLOUD

- i) Agensi kenal pasti keperluan perkhidmatan *cloud* dengan melaksanakan kajian pasaran dengan panel **Managed Service Provider (MSP)**;
- ii) Agensi kemukakan permohonan peruntukan GHC dengan menghantar template permohonan kepada JDN melalui **mygovcloud@jdn.gov.my**.
- iii) Agensi terima pengesahan peruntukan daripada JDN dan laksanakan perkara berikut:
 - Dapatkan Ulasan Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO);
 - Kenal pasti klasifikasi data Agensi;
 - Penilaian keselamatan maklumat; dan
 - Dapatkan khidmat nasihat daripada Perundingan JDN (jika perlu)

NOTA:

Template Permohonan boleh di muat turun (*download*) daripada portal MyGovCloud@CFA

2 KELULUSAN TEKNIKAL

A) Kos Projek > RM10 Juta

- Agensi mohon kelulusan JPICT (Agensi / Kementerian) dan JTISA.

B) Kos Projek < RM10 Juta

- Agensi mohon kelulusan JPICT (Agensi / Kementerian)

NOTA:

Bagi perolehan *cloud* sebahagian daripada projek, jika kos pembangunan > RM5 juta, permohonan kelulusan teknikal perlu dikemukakan kepada JTISA walaupun kos keseluruhan projek kurang daripada RM10 juta.

3 KELULUSAN PERUNTUKAN

Agensi kemuka permohonan kelulusan peruntukan kepada JPPCSA JDN dengan menghantar template permohonan beserta dokumen sokongan berikut:

- Kertas Keputusan JPICT (Agensi/Kementerian)
- Ulasan Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO)
- Kajian Pasaran
- Lain-lain dokumen (jika perlu)

NOTA:

Langkah ini hanya untuk permohonan *cloud* di bawah nilai JTISA dan menggunakan peruntukan GHC sahaja.

4 PEROLEHAN CLOUD

Agensi laksana perolehan cloud mengikut PK 2.6: Perolehan Perkhidmatan Pengkomputeran Awan (*Cloud*) Sektor Awam

Disediakan Oleh:

Seksyen Pengurusan Pengkomputeran Awan (CMO)

Bahagian Pembangunan Perkhidmatan Gunasama Infrastruktur dan Keselamatan Digital (BPG)

Jabatan Digital Negara



PANDUAN PERMOHONAN *CLOUD* SEKTOR AWAM MENGGUNAKAN PERUNTUKAN SELAIN PERUNTUKAN *GOVERNMENT HYBRID CLOUD (GHC)*

PERINGATAN: Agensi adalah tertakluk kepada SPA 7/2024: SPA Bil. 7 2024: Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Sektor Awam dan Panduan Keseluruhan Kerajaan (Whole-of-Government) Sektor Awam

1 KENAL PASTI KEPERLUAN *CLOUD*

Agensi kenal pasti keperluan perkhidmatan *cloud* dengan melaksanakan perkara berikut:

- Laksana kajian pasaran dengan panel *Managed Service Provider (MSP)*
- Dapatkan ulasan Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO);
- Kenal pasti klasifikasi data Agensi;
- Penilaian keselamatan maklumat; dan
- Dapatkan khidmat nasihat daripada Perundingan JDN (jika perlu)

2 KELULUSAN TEKNIKAL

A) Kos Projek > RM10 Juta

- Agensi mohon kelulusan JPICT (Agensi / Kementerian) dan JTISA

B) Kos Projek < RM10 Juta

- Agensi mohon kelulusan JPICT (Agensi / Kementerian)

NOTA:

Bagi perolehan *cloud* sebahagian daripada projek, jika kos pembangunan > RM5 juta, permohonan kelulusan teknikal perlu dikemukakan kepada JTISA walaupun kos keseluruhan projek kurang daripada RM10 juta.

3 PEROLEHAN *CLOUD*

Agensi laksana perolehan *cloud* mengikut PK 2.6: Perolehan Perkhidmatan Pengkomputeran Awan (*Cloud*) Sektor Awam